



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	21/6/2021	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	PERHILITAN			



Tapir betina dipindahkan ke Taman Alam Liar Kenaboi, Jelebu, kelmarin.  
(Foto Ihsan Perhilitan)

## Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan di Jelebu

**Seremban:** Sebuah Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan pertama negara akan dibina di Taman Negeri, Hutan Simpan Kenaboi, Jelebu, dekat sini.

Pengarah Jabatan Perhilitan Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun, berkata projek itu dikendalikan bahagian teknikal jabatan berkenaan dan ketika ini masih dalam proses tender.

Katanya, projek pembangunan Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan ini akan bersifat sebagai dua dalam satu.

"Apabila siap nanti, ia akan berfungsi sebagai pusat perkembangan bagi aktiviti kajian dan penyelidikan spesies tapir serta habitat oleh penyelidik tempatan dan antarabangsa.

"Selain itu, ia juga akan menjadi pusat pemeriksaan kesihatan terbaik terhadap tapir yang ditangkap sebelum dilepaskan semula di kawasan habitat asal.

"Pusat berkenaan juga akan menjadi destinasi ekopelancongan baharu di Negeri Sembilan," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau yang enggan mendedahkan kos projek itu berkata, projek itu mendapat persetujuan kerajaan negeri dan diluluskan Kerajaan Pusat, hujung tahun lalu.

Katanya, Taman Negeri, Hutan Simpan Kenaboi adalah lokasi sesuai bagi membangunkan projek itu kerana ia kawasan habitat utama tapir di Negeri Sembilan.

"Terdapat banyak binatang berkenaan di kawasan itu, sekali gus boleh dieksploitasikan sebagai lokasi tumpuan pelancong," katanya.

Sementara itu, Wan Mat berkata, Perhilitan daerah Gemas memindahkan seekor tapir betina yang ditangkap di Ladang Johol ke Taman Alam Liar Kenaboi, Jelebu, kelmarin.

Katanya, pemindahan itu dibuat selepas pemeriksaan awal oleh Pegawai Veterinar Jabatan Perhilitan mendapati tapir itu sihat, walaupun terdapat parut luka lama pada lehernya.